

PENGURUSAN RESIDU DARIPADA PROJEK LYNAS (M) SDN. BHD.

**Atomic Energy Licensing Board
Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI)
MALAYSIA**

Ensuring Safety, Security & Safeguarding Peaceful Nuclear Activities


ISU PENGURUSAN RESIDU

Bil	Isu	Syarat
1	Penstoran di RSF –	<ul style="list-style-type: none">- AELB mengenakan syarat kepada Lynas supaya debu tidak berterbangan ke udara secara bebas atau berlakunya kebocoran ke dalam tanah.- Lynas memastikan residu dalam keadaan lembab, sistem semburan air, ERP
2	Penggunaan semula residu (<i>reuse and recycle</i>);	<ul style="list-style-type: none">- Lynas perlu kemukakan hasil penyelidikan pengkitaran semula, pengurangan sisa (<i>waste minimization</i>) dan penggunaan dan pengkomersialan residu yang dihasilkan oleh LAMP dalam tempoh 10 bulan selepas TOL dikeluarkan.- AELB pantau bahan-bahan yang diguna semula mestilah di bawah paras 1 Bq/g
3	PDF	Lynas hendaklah mengemukakan pelan dan lokasi PDF untuk kelulusan AELB dalam tempoh masa lesen dan tidak melebihi 10 bulan daripada tarikh pengeluaran TOL
4	Pemulangan residu ke sumber asal (<i>return to source of origin</i>)	Sekiranya penyelidikan pengkitaran semula serta lokasi PDF tidak dapat dikenal pasti atau diluluskan, Lynas hendaklah membawa residu yang dihasilkan oleh LAMP keluar dari Malaysia

PENGURUSAN RESIDU LYNAS

TOL: 2 tahun

DALAM TEMPOH 10 bulan TOL dikeluarkan



Keputusan Rayuan Menteri

Tarikh pendengaran Rayuan kepada Menteri: 17 April 2012

Berdasarkan kuasa yang diberikan di bawah Subseksyen 32(5), Akta 304 YB Menteri membuat perintah untuk mengenakan 2 syarat tambahan kepada syarat-syarat lesen yang telah diputuskan oleh Lembaga pada 30 Januari 2012.

1. Bagi mengatasi jumlah residu terlalu banyak terkumpul di *Residue Storage Facility* (RSF), Lynas perlu mengemukakan kepada Lembaga kaedah immobilisasi (immobilisation) unsur-unsur radioaktif dalam residu yang akan dilupuskan. Kaedah immobilisasi adalah untuk memerangkap unsur radioaktif dari tersebar ke alam sekitar. Kaedah immobilisasi unsur-unsur radioaktif dalam residu yang akan dilupuskan yang telah diluluskan oleh Lembaga akan dijadikan sebagai syarat-syarat lesen; dan
2. Berkaitan dengan kemudahan pelupusan residu radioaktif, Lynas perlu mengemukakan kepada Lembaga **Pelan Tindakan Kecemasan (*Emergency Response Plan*) untuk mengawal penyebaran debu ke udara dan alam sekitar dan Pelan Tindakan Kecemasan ini perlu disahkan oleh Lembaga.** Ini diperlukan bagi menangani masalah jika berlaku kegagalan terhadap sistem semburan air. Pelan tindakan tersebut juga perlu mengambil kira penyediaan sumber air alternatif secara siap siaga sepenuh masa sebagai satu langkah kontigensi. Pelan Tindakan Kecemasan yang telah disahkan oleh Lembaga akan dijadikan sebagai syarat-syarat lesen.

PSC

- Penubuhan Jawatankuasa Pemilihan Khas (PSC) yang dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia oleh Dewan Rakyat pada 20 Mac 2012 bertujuan untuk meneliti dan membuat penilaian ke atas ulasan-ulasan awam yang diterima serta mendapat maklum balas daripada pelbagai kumpulan dan pihak-pihak berkepentingan serta pihak berkuasa tempatan bagi menzahirkan fakta-fakta yang sahih mengenai projek Lynas ini.
- Pada 18 Jun 2012, PSC telah membentangkan hasil penilaian mengenai projek Lynas Advanced Materials Plant (LAMP) di persidangan Dewan Rakyat yang ke-12 bagi penggal ke-5. Dalam laporannya, PSC berpuas hati bahawa projek LAMP telah memenuhi keperluan standard dan perundangan di Malaysia yang setaraf dengan amalan dan standard antarabangsa. Perbahasan usul Laporan PSC mengenai projek LAMP oleh telah diadakan pada 19 Jun 2012.

Terima kasih



Ensuring Safety, Security & Safeguarding Peaceful Nuclear Activities